

16 MAY 1998

Mahathir-Sabah

KETUA MENTERI SABAH DIUMUMKAN APABILA MASANYA SESUAI

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengumumkan nama Ketua Menteri Sabah yang baru "apabila masanya sesuai".

"Saya telah banyak memikirkan mengenai Ketua Menteri Sabah yang baru itu," kata Dr Mahathir apabila ditanya oleh pemberita mengenai perlantikan ke jawatan itu setelah beliau kembali dari lawatan lapan hari ke Mesir dan Sudan hari ini.

"Saya akan memaklumkan kepada anda (media) apabila masanya sesuai," kata beliau sebagai menjawab pertanyaan sama ada beliau telah memilih pengganti kepada Ketua Menteri sekarang Datuk Yong Teck Lee yang tempoh perkhidmatannya akan tamat pada 27 Mei ini.

Ditanya sama ada beliau akan mengumumkannya di Kuala Lumpur ataupun Kota Kinabalu, Dr Mahathir berkata beliau belum memutuskan di mana untuk mengumumkannya.

Sebelum ini, ramai menjangkakan Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) akan mengumumkan nama ketua Menteri itu apabila beliau membuat lawatan singkat ke negeri itu pada 7 Mei lepas.

Di bawah sistem pengiliran jawatan seperti yang dijanjikan oleh BN yang mula berkuasa sejak pilihan raya negeri yang lepas, Ketua Menteri akan datang adalah dari masyarakat Bumiputera bukan Islam.

Tun Sakaran Dandai merupakan Ketua Menteri yang pertama di bawah sistem pengiliran itu mewakili masyarakat Bumiputera Islam tetapi digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said apabila Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua negeri.

Yong yang mewakili masyarakat Cina pada 28 Mei, 1996 merupakan ketua menteri selepas Salleh. BN Sabah mempunyai dua parti komponen yang mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam.

-- BERNAMA

ARA PR